

## SEMINAR KESIHATAN BERITA HARIAN

# Tak perlu derita dalam 'sepi'

Pakar: Hilang pendengaran lebih mudah dirawat pada peringkat awal

► NUR ADILAH MAHBOD  
adilaham@sph.com.sg

SUDAH teruk baru nak jumpa doktor.

Begitulah sikap ramai pesakit Melayu yang 'sepi' menderita dengan daya pendengaran yang kian merosot padahal penyakit itu lebih mudah dirawat pada peringkat awal.

Demikian menurut pakar telinga, hidung dan tekak, Dr Ho Eu Chin, daripada Hospital Tan Tock Seng (TTSH).

"Sekitar 50 peratus daripada pesakit Melayu apabila mendapatkan rawatan, keadaan pendengaran mereka sudah teruk," ujar Dr Ho, konsultan di Jabatan Otorinolaringologi (penyakit telinga, hidung dan tekak).

Ini dibandingkan dengan sekitar suku bagi pesakit bangsa Cina dan seperti daripada pesakit bangsa India.

Beliau merupakan antara empat penceramah bagi 'Seminar Kesihatan - Sihat Banyak Untungnya' anjuran Berita Harian yang bakal berlangsung di Auditorium Singapore Press Holdings pada 11 Oktober ini.

Ia akan dianjurkan bersama dengan TTSH.

Dr Ho berkata ada kecenderungan dalam kalangan pesakit Melayu yang menganggap pesakit itu kurang serius atau menerimanya sebagai takdir.

Kehilangan daya pendengaran berpunca daripada penuaan atau pun pendedahan berlebihan kepada bunyi bising.

Biasanya kehilangan pendengaran berlaku secara beransur-ansur.

Oleh itu, kehilangan daya pendengaran itu mungkin tidak disebab oleh pesakit sendiri.

"Selalunya, pesakit yang mendapatkan rawatan pada peringkat awal berbuat demikian setelah dinasihatkan anggota keluarga atau kawan mereka yang memerhatikan pesakit itu sukar mendengar.

"Apabila pesakit sendiri yang



**BERI NASIHAT:** Dr Ho Eu Chin menasihatkan orang ramai supaya mendapatkan rawatan awal bagi masalah hilang pendengaran.  
— Foto NUR ADILAH MAHBOD

sedar bahawa beliau kurang pendengaran, selalunya ia bermakna keadaannya sudah menjadai teruk," ujar Dr Ho, yang fasih bertutur bahasa Melayu kerana mendapat pendidikan hingga peringkat Sijil Am Pelajaran (GCE 'A' di Malaysia).

Masalah pendengaran, kata-nya, boleh dirawat menggunakan alat pendengaran, yang menelan belanja sekitar \$1,500 bagi sebuah telinga atau \$3,000 bagi sepasang telinga.

Pesakit berpendapatan rendah berusia 65 tahun ke atas layak memanfaatkan subsidi bagi alat itu di bawah Dana Mobiliti Warga Tua (SMF).

Dr Ho berkata pesakit yang mendapatkan rawatan awal akan mendapat lebih mudah menyuaikan diri dengan alat pendengaran.

"Kita perlu ubah sikap sesetengah pesakit yang hanya menerima keadaan dan memilih hidup menderita.

"Dengan kemajuan teknologi sekarang, tiada siapa yang patut diebar menderita atau meninggal dunia dalam keadaan kehilangan pendengaran," ujar Dr Ho.

## PENDAFTARAN BAGI SEMINAR KESIHATAN: SIHAT BANYAK UNTUNGNYA

Tarikh: Sabtu, 11 Oktober 2014

Masa: 9 pagi – 12 tengah hari

Tempat: Auditorium SPH, 1000 Toa Payoh North

Bayaran: \$5 (Tempat terhad dan yang dahulu akan dibayarkan)

Pendaftaran: Kirimkan e-mel kepada: bhpromo@sph.com.sg

Berikan nama penuh, alamat, nombor telefon dan alamat e-mel anda.

### Penceramah dan topik:

(1) Dr Chung Tze Onn, Konsultan Klinik Gigi TTSH: Penggantian Gigi: Pilihan Rawatan

(2) Enclik Ahmad Zaki Hairordin, Ahli Fisioterapi Kanan TTSH: Senaman untuk Lutut Sihat: Tip Cegah Osteoarthritis

(3) Dr Ho Eu Chin, Konsultan Jabatan Otorinolaringologi (Telinga, Hidung dan Tekak), TTSH: Hilang Pendengaran dan Keseimbangan

(4) Penolong Profesor Adjung Hitendra K. Doshi, Konsultan Jabatan Ortopedik TTSH: Gaya Hidup Sihat – Cegah Artritis Sendi Degeneratif dan Tulang Retak